

SOALAN NO. 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah retroaktif dalam menangani kes yang dipertikaikan seperti isu penukaran agama anak di bawah umur.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kes Indira Gandhi A/P Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals [2018] 1 MLJ 545, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan perkataan "*parent*" dalam Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan sebagai bermaksud jamak (*plural*) iaitu kedua-dua ibu dan bapa. Tafsiran ini terpakai jika kedua-dua ibu dan bapa masih hidup. Keputusan tersebut mengatasi semua keputusan-keputusan terdahulu, terikat dan bersifat prospektif.

Sekian, terima kasih.